



UNIVERSITI  
KEBANGSAAN  
MALAYSIA

*The National University  
of Malaysia*



Pusat Siswazah UKM  
The UKM Graduate Centre

# GARIS PANDUAN PENULISAN TESIS/DISERTASI KOMPILASI





# **GARIS PANDUAN PENULISAN TESIS/DISERTASI KOMPILASI**

Edisi semakan 2022

Hak Cipta Universiti Kebangsaan Malaysia, 2022

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Pusat Siswazah UKM terlebih dahulu.

Diterbitkan di Malaysia oleh PUSAT SISWAZAH  
Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 UKM Bangi, Selangor D.E., Malaysia

## 1.0 TUJUAN

Garis panduan ini dinamakan **Garis Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Kompilasi**. Garis panduan ini bertujuan untuk memberikan panduan kepada fakulti/institut dan, calon dan pelajar siswazah yang bercadang untuk menyediakan tesis/disertasi dalam format kompilasi penerbitan samada secara prospektif atau retrospektif.

Garis panduan ini hendaklah terpakai kepada setiap calon yang mendaftar sesuatu program yang mengurniakan Ijazah Sarjana (secara prospektif) dan Ijazah Kedoktoran (secara prospektif atau retrospektif) pada atau selepas tarikh permulaan kuat kuasa garis panduan ini.

## 2.0 TAFSIRAN

Tafsiran bagi suatu perkataan yang digunakan dalam garis panduan ini adalah merujuk kepada tafsiran yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia(Pengajian Siswazah)2021.

Dalam garis panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain

“disertasi” ertinya dokumen penyelidikan asli yang disediakan dan dihantar oleh pelajar bagi penganugerahan Ijazah Sarjana secara penyelidikan dan mod campuran;

“Ijazah Kedoktoran” ertinya suatu perakuan yang diberikan oleh Universiti kepada seorang pelajar yang telah memenuhi syarat program Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Doktor Klinikal, Ijazah Doktor Kesihatan Masyarakat, Ijazah Doktor Pentadbiran Perniagaan, Ijazah Doktor Pergigian Klinikal atau Ijazah Kedoktoran lain yang diiktiraf oleh Senat;

“Ijazah Sarjana” ertinya suatu perakuan yang diberi oleh Universiti kepada seorang pelajar yang telah memenuhi syarat program Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Klinikal atau yang setara dengannya;

“pelajar” ertinya seorang pelajar berdaftar Universiti yang mengikuti pengajian siswazah di Universiti bagi suatu program;

“Tesis/disertasi kompilasi” ertinya penulisan tesis/disertasi yang merupakan gabungan makalah- makalah yang telah diterbitkan atau telah diterima untuk penerbitan seperti yang diperinci dalam syarat penulisan tesis format kompilasi (Perkara 3.1 dan 3.2);

“Tesis” ertinya dokumen penyelidikan asli yang disediakan dan dihantar oleh pelajar bagi penganugerahan Ijazah Kedoktoran secara penyelidikan dan mod campuran;

“Universiti” ertinya Universiti Kebangsaan Malaysia.

“Penerbitan Prospektif” ertinya penerbitan yang diterbitkan selepas tarikh pendaftaran pengajian dan berkaitan dengan penyelidikan yang dijalankan sepanjang tempoh pengajian.

“Penerbitan Retrospektif” ertinya penerbitan yang diterbitkan sebelum tarikh pendaftaran pengajian dan berkaitan dengan penyelidikan yang dipohon untuk ijazah Kedoktoran.

“Peraturan” ertinya ialah Peraturan-Peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Siswazah) 2021.

### **3.0 PENULISAN TESIS/DISERTASI FORMAT KOMPILASI**

Penulisan tesis/disertasi format kompilasi adalah gaya penulisan alternatif kepada format tesis/disertasi konvensional. Format ini adalah khusus untuk pelajar yang telah menerbit atau telah diterima untuk penerbitan hasil penyelidikannya dalam bidang di dalam jurnal tersohor/bab dalam buku/buku dalam bidang yang diiktiraf oleh Senat.

Penulisan tesis/disertasi format kompilasi boleh dilakukan secara Penerbitan Prospektif atau Penerbitan Retrospektif.

Peraturan-peraturan yang terkandung dalam garis panduan ini adalah tafsiran kepada peraturan yang berkaitan dalam Bahagian IV, V dan VI di dalam Peraturan atau apa-apa pindaan yang berkaitan selepas ini.

### **3.1 SYARAT-SYARAT BAGI PENULISAN TESIS/DISERTASI FORMAT KOMPILASI**

- a) Penyelia bersetuju bahawa tesis/disertasi penyelidikan yang telah dijalankan ditulis dalam bentuk tesis/disertasi kompilasi.
- b) Pelajar perlu membuat permohonan secara bertulis kepada Dekan/Pengarah untuk menulis tesis/disertasi dalam bentuk kompilasi.
- c) Pelajar telah menerbit atau telah diterima untuk penerbitan makalah dalam jurnal tersohor (artikel penyelidikan penuh), bab dalam buku, buku dalam bidang yang diiktiraf oleh Universiti/fakulti/institut. Namun demikian setiap disiplin memerlukan tahap impak yang berbeza bagi memastikan kualiti yang setaraf dengan pengajian di peringkat Ijazah Kedoktoran atau Sarjana.
- d) Makalah perlu memenuhi skop dan objektif penyelidikan yang dijalankan oleh pelajar. Kertas yang dibentangkan dalam persidangan atau seminar, dan kertas yang diterbitkan dalam prosiding persidangan atau seminar hanya boleh diterima sebagai bahan penerbitan sokongan sahaja.
- e) Kriteria dan bilangan minimum makalah bagi penilaian tesis/disertasi secara kompilasi

adalah seperti berikut:

- i) Calon yang menggunakan Penerbitan Prospektif
  1. Untuk pelajar Kedoktoran tidak kurang daripada **EMPAT (4)**, di mana **DUA (2)** darinya telah diterbitkan atau telah diterima untuk penerbitan dalam jurnal berimpak.
  2. Untuk pelajar Sarjana tidak kurang dari **DUA (2)**, di mana **SATU (1)** darinya telah diterbitkan atau telah diterima untuk penerbitan dalam jurnal berimpak.
  3. Bilangan jurnal berimpak bagi gugusan Sains dan Teknologi, Sains Sosial, dan Kesihatan dan Perubatan ditunjukkan di dalam Jadual A.
  4. Calon yang ingin mengemukakan kompilasi penerbitan dalam Bahasa Melayu/Bahasa Arab, dan di dalam bidang Sains Sosial, dikehendaki mempunyai **SATU (1)** penerbitan yang telah diterbitkan atau telah diterima untuk penerbitan dalam jurnal Q1/Q2/Q3/Q4.
- ii) Calon yang menggunakan Penerbitan Retrospektif
  1. Tidak kurang dari **LIMA (5)**, di mana pecahan jurnal berimpak mengikut gugusan adalah seperti ditunjukkan di Jadual A, dan kesemua penerbitan telah diterbitkan.
  2. Mempunyai tambahan sebanyak **DUA (2)** makalah yang diiktiraf oleh Universiti, yang ditulis bersama Penyelia dalam tempoh pengajian, yang mana **SATU (1)** darinya telah diterbitkan atau telah diterima untuk penerbitan dalam jurnal Q1 atau Q1/Q2 untuk gugusan Sains Sosial sahaja.
- iii) Pecahan bilangan minimum makalah dan jurnal berimpak bagi calon dari gugusan Sains dan Teknologi, Sains Sosial, dan Kesihatan dan Perubatan untuk Penerbitan Prospektif atau Penerbitan Retrospektif adalah seperti ditunjukkan di dalam Jadual A.

Jadual A: Pecahan bilangan minimum makalah dan jurnal berimpak mengikut gugusan.

Gugusan	Sains dan teknologi	Sains Sosial	Kesihatan dan perubatan
<b>PROSPEKTIF</b>			
<b>Ijazah Kedoktoran</b>			
Bilangan makalah		4	
Bilangan jurnal berimpak	2Q1	2Q1/Q2	2Q1
Penerbitan lain	Kriteria adalah mengikut syarat penerbitan terkini Universiti		
<b>Ijazah Sarjana</b>			
Bilangan makalah		2	
Bilangan jurnal berimpak	1Q1	1Q1/Q2	1Q1
Penerbitan lain	Kriteria adalah mengikut syarat penerbitan terkini Universiti		
<b>Penulisan dalam Bahasa Melayu/Bahasa Arab</b>			
Bilangan jurnal berimpak	-	1(01-04)	-
<b>RETROSPEKTIF (Ijazah Kedoktoran sahaja)</b>			
Bilangan makalah	5 (pra-pendaftaran) + 2 (tempoh pengajian semasa)		
Bilangan jurnal berimpak	3Q1(pra) + 1Q1 (semasa)	3Q1/Q2 (pra) + 1Q1/Q2 (semasa)	3Q1(pra) + 1Q1 (semasa)
Penerbitan lain	Kriteria adalah mengikut syarat penerbitan terkini Universiti		

- iv) Kertas ulasan (*review paper*) yang telah diterbitkan atau diterima, walaupun di dalam bidang penyelidikan calon, TIDAK boleh digunakan untuk memenuhi kriteria bilangan minimum makalah. Namun begitu, bagi kertas ulasan yang memenuhi objektif penyelidikan pelajar, kertas ini boleh dipertimbangkan sebagai salah satu makalah untuk memenuhi kriteria bilangan minimum.
- v) Makalah yang dikompilasikan mestilah menjawab objektif penyelidikan yang telah ditetapkan.
- f) Pelajar perlu mendapatkan kebenaran hak cipta daripada penerbit makalah yang diterbitkan sekiranya tesis/disertasi hendak dibukukan.
- g) Pelajar merupakan pengarang pertama (first author) atau pengarang koresponden (corresponding author) bagi setiap makalah yang dinyatakan seperti di atas dan ditulis bersama penyelia.
- h) Pelajar yang mempunyai lebih dari satu afiliasi perlu meletakkan Universiti sebagai afiliasi pertama.
- i) Pelajar dikehendaki menulis tesis/disertasi di dalam **SATU (1)** bahasa sahaja samada Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris atau Bahasa Arab. Bagi pelajar berstatus warganegara, di

mana tesis/disertasi mesti ditulis dalam Bahasa Melayu, pelajar boleh mendapatkan kebenaran fakulti/institut untuk menulis tesis/disertasi dalam bahasa ia diterbitkan.

### **3.2 SYARAT-SYARAT BAGI CALON IJAZAH KEDOKTORAN MENGGUNAKAN PENERBITAN TERDAHULU (PRA PENDAFTARAN)/ PENERBITAN RETROSPEKTIF**

Calon boleh menggunakan penerbitan yang telah diterbitkan sebelum mendaftar sebagai calon ijazah kedoktoran di Universiti sebagai bahan yang dihantar untuk penilaian penganugerahan ijazah kedoktoran.

3.2.1 Pelajar perlu mematuhi kriteria seperti berikut:

- a) Tempoh minimum pengajian ialah 12 bulan dan tidak melebihi 2 tahun.
- b) Penyelia mesti dilantik untuk
  - i) Memberi panduan kepada calon untuk memilih, menyusun penerbitan yang telah diterbit untuk penghantaran.
  - ii) Memberi panduan kepada calon untuk menyediakan tesis mengikut bidang pengkhususan atau kepakaran penerbitan yang telah dipilih.
- c) Majoriti lima penerbitan pra pendaftaran yang dicalonkan untuk penilaian mesti menunjukkan keterlibatan langsung dari penyelia Universiti.
- d) Calon dikehendaki menjalani dan lulus pra-peperiksaan lisan di fakulti/institut yang dipohon sebagai salah satu syarat kemasukan ke program pengajian. Keahlian Jawatankuasa Penilaian Peperiksaan dilantik oleh sekretariat siswazah fakulti/institut.

3.2.2 Pelajar masih perlu menulis tesis dengan mematuhi syarat berikut:

- a) Penerbitan yang telah diterbitkan dan digunakan sebagai penilaian untuk pengijazahan memenuhi kriteria yang disebutkan di dalam subseksyen 3.1(e)(ii), di dalam bidang pengajian yang dipohon, dan penerbitan tersebut tidak pernah digunakan untuk memperolehi ijazah lain ataupun sebagai salah satu keperluan memenuhi keperluan ijazah tersebut.
- b) Penerbitan tersebut mestilah diterbitkan dalam masa tidak melebihi 10 tahun dari tarikh penghantaran untuk penilaian pengijazahan.
- c) Untuk 5 penerbitan pra pendaftaran yang dicalonkan, calon mestilah pengarang utama atau pengarang koresponden kepada penerbitan tersebut yang mana sumbangan pengarang lain diperincikan.

- d) Tesis tersebut mestilah mempunyai
  - i) Senarai kesemua penerbitan atau kerja berkaitan dengan bidang.
  - ii) Perakuan dari pengarang bersama dan penentusahan keaslian idea dari calon. Setiap penerbitan/produksi yang telah diterbitkan dan mempunyai pengarang bersama mesti mempunyai pernyataan jelas mengenai sumbangan setiap pengarang di dalam penerbitan/produksi tersebut.
  - iii) Ringkasan penemuan/hasil=nilai utama dari setiap penerbitan/produksi. Ianya harus mengandungi penerangan bagaimana kerja/produksi tersebut adalah satu rangka kerja intelek yang koheren, dan bagaimana, jika digabungkan menunjukkan ilmu dan kemahiran yang menerobos, terkehadapan termasuk sumbangan baru kepada bidang yang dipohon.
  - iv) Bab pengenalan, kajian kepustakaan, kaedah kajian (jika berkenaan), pembentangan dan kesimpulan yang menerangkan sumbangan utama tesis.

### **3.3 FORMAT TESIS/DISERTASI FORMAT KOMPILASI**

Kandungan tesis/disertasi perlu merangkumi perkara berikut:

- a) Pernyataan bahawa tesis/disertasi ditulis mengikut format kompilasi.
- b) Senarai penerbitan yang dimasukkan sebagai bab dalam tesis/disertasi.
- c) Keseluruhan tesis/disertasi perlu disediakan mengikut format penulisan tesis/disertasi Gaya UKM.
- d) Mempunyai abstrak di dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- e) Bab Pengenalan – Bab ini memberi pengenalan kepada isu yang dikaji dan perkaitan di antara makalah yang telah diterbitkan bagi memastikan dipersembahkan dalam bentuk yang bersepadu. Calon juga dinasihatkan untuk menerangkan susun atur penyelidikan dalam bentuk carta alir.
- f) Bab Bahan Penerbitan – Setiap makalah yang telah diterbitkan perlu dipersembahkan sebagai bab berasingan di dalam tesis/disertasi. Abstrak makalah dan maklumat jurnal penerbitan perlu disertakan bagi tesis/disertasi yang ditulis dalam bahasa yang selain dari bahasa penulisan tesis/disertasi.
- g) Bab Kesimpulan – Bab ini mensintesis dapatan kajian dan memberi kesimpulan menyeluruh tentang penyelidikan yang telah dijalankan dan menerangkan sumbangan utama tesis/disertasi.
- h) Rujukan – Senarai rujukan merangkumi rujukan bagi bab Pengenalan dan bab Kesimpulan.

**Jawatankuasa Semakan Semula Garis Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Secara Kompilasi**

**Pengerusi**

Prof. Dr. Sarani Zakaria

**Ahli Jawatankuasa**

Prof. Dr. Aisyah Abd Rahman

Prof. Dr. Kamisah Osman

Prof. Dr. Norfilza Mohd Mokhtar

Prof. Dr. Mohd Talib Latif

Prof. Dr. Ir. Siti Kartom Kamarudin

Prof. Dr. Khairul Anwar Mastor@Johari Mastor

Prof. Dr. Norlaila Mustafa

Prof. Madya Dr. Abdul Munir Abd Murad

Prof. Madya Dr. Wan Hanna Melini Wan Mohtar

Puan Norazlin

Puan Rafidah Binti Hassan